



**MAJLIS PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)**

## **Peraturan Pemarkahan**

**MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2016**

**BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

### **AMARAN**

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.  
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**  
 b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi** [20 markah]

**Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan :  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
  - nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

## Soalan 1 : Rumusan

<b>Pendahuluan</b> : 2 markah	<b>Markah</b>
P1 Petikan membincangkan sebab-sebab/kebaikan/manfaat/faedah/fungsi pelaksanaan dasar MBMMBI di negara ini.	2
P2 Rumusan ini membincangkan sebab/kebaikan/manfaat /faedah/fungsi pelaksanaan dasar MBMMBI dan kekangannya.	2
P3 Petikan membincangkan sebab/kebaikan/manfaat/ faedah/fungsi pelaksanaan dasar MBMMBI.	1
P4 Rumusan ini membincangkan sebab/kebaikan/manfaat faedah/fungsi pelaksanaan dasar MBMMBI.	1
P5 Petikan membincangkan faktor-faktor pelaksanaan dasar MBMMBI di negara ini.	0
P6 Rumusan membincangkan faktor-faktor pelaksanaan dasar MBMMBI di negara ini dan kekangannya.	0

**Isi-isi Tersurat** [4 – 12 markah] ***Faktor-faktor pelaksanaan dasar MBMMBI :***

1. Sesuai dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	2
2. Bahasa Melayu bahasa pengantar utama dalam pendidikan	2
3. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan.	2
4. Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu	2
5. Kebudayaan bangsa Melayu akan terpelihara dan seterusnya dapat dilestarikan	2
6. Komunikasi yang berkesan akan dapat dilakukan dalam kalangan masyarakat	2
7. Memupuk sikap saling menghormati antara satu sama lain	2
8. Martabat bahasa itu/ bahasa Melayu dapat diletakkan pada kedudukan yang sewajarnya.	2
9. Bahasa Inggeris penting sebagai alat komunikasi antarabangsa/medium wacana ilmu antarabangsa.	2
10. Membantu perkembangan kemajuan dalam sektor perniagaan dan ekonomi global.	2

<b>Isi-isi Tersirat</b> [4 – 12 markah] <i><b>Kekangannya.</b></i>	<b>Markah</b>
1. Pihak sekolah kurang memberikan kerjasama.	2
2. Tidak dilaksanakan secara terancang.	2
3. Kewujudan sekolah vernakular/ menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.	2
4. Guru tidak mendapat pendedahan secukupnya/kurang faham tentang dasar MBMMBI.	2
5. Kurang bimbingan/pemantauan daripada pihak atasan ke sekolah.	
6. Kekurangan peruntukan untuk MBMMBI.	2
7. Masa yang terhad untuk melaksanakan program.	2

**Kesimpulan** [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama untuk memastikan kejayaan/ keberkesanan dasar MBMMBI agar/supaya matlamat pelaksanaannya tercapai. 2

***(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)***

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.</li> </ul>

**Nota :**

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

### Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Soalan 2 (a) : Petikan Umum

- (i) Maksud rangkaian kata **memartabatkan budaya**.
- meningkatkan/mengangkat/mendaulatkan tamadun/tradisi/adat/peradaban/cara hidup 2
  - meningkatkan/mengangkat/mendaulatkan budaya. 1
  - memartabatkan tamadun/tradisi/adat/peradaban/cara hidup 1
- (ii) Peranan guru
- memahami maksud dan definisi dasar MBMMBI
  - memaklumkan hasrat dan matlamat pelaksanaan dasar ini kepada murid-murid dan masyarakat dengan jelas
  - membudayakan penggunaan bahasa Melayu baku
- [Maksimum : 3 markah]**
- (iii) Cara-cara meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid
- Dijadikan sebagai subjek wajib lulus dalam peperiksaan awam
  - Masa pengajaran dan pembelajaran ditambah
  - Minggu/bulan bahasa Melayu dilaksanakan dengan berkesan
  - Digunakan dalam komunikasi di sekolah – jumpa guru/ perhimpunan dsb
  - Menggunakan bahasa yang standard/baku dalam komunikasi di sekolah
  - Persatuan/ kelab bahasa Melayu diaktifkan

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Maksimum: 4 markah ]**

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

- (i) Gambarkan keadaan wanita tua seperti yang dinyatakan dalam petikan tersebut.
- memakai pakaian hanya kain kapas nipis
  - Tudungnya ditarik menutupi sebahagian mukanya yang merah kesejukan
  - memakai kasut yang bahagian hujungnya koyak dan berstoking lusuh
  - figura hidup yang tidak disedari kewujudannya

[Maksimum - 2 markah]

- (ii) Langkah-langkah pihak kerajaan
- menyediakan rumah/ tempat penginapan
  - memberikan pekerjaan yang sesuai
  - memberikan bantuan perubatan / makanan
  - memberikan bantuan kewangan

(isi-isi lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum - 3 markah]

- (iii) **Satu** persoalan yang terdapat dalam petikan
- Persoalan tentang kemiskinan hidup warga emas ; wanita tua yang memakai pakaian nipis dan berkasut koyak serta berstoking lusuh dalam cuaca yang amat dingin, menyara hidup dgn menjual makanan burung.
  - Persoalan tentang pasaran gelap ; seorang pemuda datang menghampiri penulis dan bertanyakan sama ada ingin membeli *Perfume. Wallet. Jacket, sambil berkata "Black market, black market. Good price."*

**Satu** persoalan dalam keseluruhan cerpen:

- Persoalan perasaan prihatin terhadap kehidupan haiwan liar.  
Contoh:- Aku berasa kasihan terhadap haiwan kijang yang terpaksa menjadi korban kerana kulitnya.
- Persoalan sikap berbudi bahasa sesama insan tanpa mengira bangsa, agama dan negara. Contoh:- Aku melahirkan kata-kata yang cukup berbahasa kerana tidak mahu menyakitkan hati pekedai Turki itu.
- Persoalan kewajaran memberikan layanan serta ramah mesra terhadap pelanggan atau pelancong. Contoh:- Pekedai Turki telah memberikan layanan yang mesra kepada pelanggannya dengan memberikan layanan yang baik serta memberikan minuman percuma kepada pelanggannya.
- Persoalan kepandaian sikap puji memuji dalam kalangan masyarakat Turki.  
Contoh:- Masyarakat Turki memang pandai memuji pelanggannya demi melariskan jualan.
- Persoalan kebijaksanaan dalam menguruskan perbelanjaan kewangan.  
Contoh:- Aku telah membuat senarai nama barangan dan cenderamata yang akan dibeli untuk dibawa pulang ke Malaysia.

[Maksimum - 4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

- (i) Maksud senantiasa beringit
- Sentiasa/selalu/sering/acap kali bertelagah/bermusuhan/berbalah 2
  - Sentiasa/selalu/sering/acap kali beringgit 1
  - Sentiasa bertelagah/bermusuhan/berbalah 1
- (ii) Setelah menjadi orang besar
- berlaku pepecahan rakyat/anak Melayu pun berpecah-belah/berbelah
  - sesetengah menyokong Paduka Raja sesetengah menyokong Seri Nara Diraja
  - Seri Nara Diraja dan Paduka Raja sentiasa beringgit/bermusuhan
  - Sultan Muzaffar Syah terlalu berdukacita melihat perilaku Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja

**[Maksimum - 3 markah]**

- (iii) Tiada permuafakatan sesama pemimpin
- Sepanjang masa dihabiskan untuk membina pengaruh
  - Tiada masa untuk urusan pentadbiran
  - Pemimpin yang baik/jujur mungkin kecundang
  - Berlaku banyak penyelewengan
  - Negara tidak aman
  - Terdedah kepada ancaman luar

**[Maksimum - 3 markah]**



**Soalan 2 (d): Gurindam**

(i) Maksud rangkap gurindam

Maksud rangkap kelima belas gurindam ialah **nama seseorang yang telah membuat jasa akan disanjung pada setiap masa.**

[Maksimum - 2 markah]

(ii) Tiga alasan

- Tidak akan menyinggung perasaan seseorang
- Untuk mengelakkan perselisihan faham
- Dapat mencegah daripada berlaku pergaduhan
- Dapat meningkatkan keperibadian seseorang

**(Jawapan lain yang sesuai diterima)**

[Maksimum - 3 markah]

(iii) Dua pengajaran

- Kita hendaklah berfikir secara rasional sebelum menuturkan kata-kata *untuk* mengelakkan salah faham.
- Kita mestilah bijak memilih rakan *supaya* dapat membimbing kita ke arah kebaikan.
- Seseorang perlulah menjaga tutur kata ketika berbicara *untuk* mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini daripada berlaku.
- Kita mestilah rajin belajar *untuk* menambahkan pengetahuan.
- Kita janganlah suka mengadu domba dan membuat fitnah *kerana* boleh menjejaskan silaturahim dalam masyarakat.
- Usahlah kita berlebih-lebihan membantu orang *sekiranya* diri sendiri berada dalam kesusahan / kesempitan.
- Kita hendaklah sentiasa berbudi agar selalu dikenang orang.

[Maksimum - 4 markah]

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

**Jawapan 3 (a)**

- |       |           |   |  |
|-------|-----------|---|--|
| (i)   | mewangi   | - | berbau harum, semerbak harum   |
| (ii)  | menyukat  | - | 1. mengukur dgn sukat; 2. mengukur (panjang, luas, isi)  |
| (iii) | menjulang | - | 1. mengangkat ke atas ; 2. mendukung (anak dll) di atas<br>bahu; 3. membumbung tinggi, meninggi; 4. ki menjunjung tinggi, menyanjung, amat menghormati.  |
| (iv)  | menyusut  | - | menjadi susut, berkurang;  |
| (v)   | menyelam  | - | 1. masuk ke dlm air (dgn seluruh badan); 2. masuk ke dlm air utk mencari sesuatu; 3. ki masuk dalam-dalam, terbenam, menghilang dlm sesuatu:   |
| (vi)  | menyisih  | - | 1. beralih ke samping atau ke tepi (utk memberi jalan lalu dll), menepi, menyamping; 2. mengasingkan atau menjauhkan (diri) dr, menghindar, menyendiri; 3. = menyisihkan mengasingkan, memisahkan, menceraikan, memencilkan; |

**Jawapan 3(b)**

- (i) Beliau akan beta anugerahi gelaran Datuk kerana sumbangannya dalam bidang ekonomi. / Kerana sumbangannya yang besar dalam bidang ekonomi gelaran Datuk beliau akan beta anugerahi.
- (ii) Kawasan di sekeliling rumahnya dipagari oleh kawat berduri yang berlingkaran itu.
- (iii) Cikgu Shaari dilantik oleh pengetua sebagai guru disiplin kerana ketegasannya menjalankan tugas. / Kerana ketegasannya menjalankan tugas Cikgu Shaari telah dilantik oleh pengetua sebagai guru disiplin.

**Jawapan 3 (c)****Kesalahan ejaan:**

- |       |            |   |            |
|-------|------------|---|------------|
| (i)   | Serunding  | - | Serondeng  |
| (ii)  | anti-rokok | - | antirokok  |
| (iii) | kolestrol  | - | kolesterol |

**Kesalahan imbuhan:**

- |       |             |   |              |
|-------|-------------|---|--------------|
| (i)   | mengalakkan | - | menggalakkan |
| (ii)  | menyedari   | - | menyedarkan  |
| (iii) | menghadkan  | - | mengehadkan  |

**Jawapan 3 (d)**

- |       |                                       |   |  |  |
|-------|---------------------------------------|---|--|--|
| (i)   | berbangga                             | - | berbesar   |  |
|       | lukisan-lukisannya yang cantik-cantik | - | lukisan-lukisannya yang cantik / lukisannya yang cantik-cantik |  |
| (ii)  | resmi                                 | - | rasmi  |  |
|       | membeli-belah                         | - | beli-belah   |  |
| (iii) | menguburkan                           | - | menyuburkan / menyemaikan                                      |  |
|       | cintakan                              | - | cinta akan   |  |

**Jawapan 3 (e)**

- (i) untung sabut timbul, untung batu tenggelam
- (ii) sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
- (iii) bagai tikus membaiki labu

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4****Soalan 4(a)**

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :

Baik	=	3 markah
Sederhana	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

**Soalan 4(b)**

- i. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraian yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;

Baik	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

**PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL****(a) Watak dan perwatakan – Danel****Jendela Menghadap Jalan****Seorang yang bijaksana tentang isu kesihatan**

Danel bijak bercakap tentang soal-soal perubatan. Dia berpengetahuan tentang jenis-jenis penyakit dan cara merawat penyakit serta dihuraikan mengikut fakta sains.

**Seorang yang rajin membuat sesuatu kajian**

Danel membuat kajian untuk dijadikan bahan penulisan. Dia telah ke Tenom Sabah untuk mendapat info tentang kejayaan Amran Christopher mengusahakan ladang pisang. Danel menghasilkan artikel tentang pisang dan mencipta pelbagai jenis resepi seperti bingka pisang vanilla, kek lapis pisang, agar-agar pisang berinti walnut dan sebagainya.

**Seorang yang prihatin akan masalah orang lain**

Danel menggunakan keretanya untuk membawa Che Jah, ketua kampung dan nenek untuk membuat laporan polis. Danel juga menghantar Geetha pulang ke rumah. Dia juga berusaha untuk mempengaruhi penduduk kampung supaya bersetuju membina masjid.

**Seorang yang bertanggungjawab**

Danel bertanggungjawab terhadap abangnya iaitu Sugi yang dituduh ingin menggadaikan tanah milik orang kampung kepada pemaju. Danel menceritakan rancangan Sugi yang ingin menjadikan kampung itu sebagai tapak pertanian agropolitan dengan tanaman *Jatropha Curcas*. Danel juga bertindak berkawal untuk menjaga keselamatan datuk yang turut dituduh bersubahat dengan Sugi untuk menjual tanah orang kampung.

**Seorang yang tidak tetap pendirian**

Danel menghentikan rawatan secara tradisional bapanya, William yang menghadapi penyakit kencing manis, darah tinggi, kolesterol tinggi dan strok. Dia sanggup memperlekeh rawatan datuk kerana terpengaruh dengan syarikat jualan langsung (MLM). Beberapa hari kemudian dia datang semula ke rumah datuk untuk mendapatkan khidmaturut tradisional daripada datuk. Danel mengakui bahawa penyakit bapanya sembuh kerana dirawat menggunakan kaedah tradisional iaitu menggunakan madu lebah dan herba buatan kampung.

**Seorang yang pandai memasak**

Danel pergi ke rumah nenek untuk memasak lauk berasaskan pisang iaitu gulai kari pisang ikan masin, gulai lemak pisang pucuk paku dan pisang masak sambal.

**( terima jawapan lain yang sesuai)**

**Watak Sampingan – Embong****Songket Berbenang Emas****Seorang yang tabah menghadapi dugaan bekeluarga**

Embong tabah menghadapi satu persatu masalah, bermula dengan isterinya Saleha yang mengalami kemurungan sehingga dimasukkan ke hospital jiwa. Embong juga tabah apabila dihina oleh mentua lantaran kemiskinannya. Embong tabah apabila satu-satunya anak lelaki iaitu Abu Bakar berkelakuan negatif seperti berpeleseran dan tidak pulang ke rumah

**Seorang yang penyayang**

Embong amat sayang akan anak dan isterinya. Dia berusaha untuk menguruskan anak-anaknya semasa isterinya dimasukkan ke hospital. Semasa dia dipatuk ular, dia berpesan kepada Dahlia untuk menjaga adik-adiknya dengan baik dan memberitahu tentang wang yang disimpannya di rumah bagi mengelakkan anak-anaknya terbiar semasa ketiadaannya

**Seorang yang penyabar**

Embong sabar apabila isterinya Saleha mengalami kemurungan dan tekanan perasaan sehingga perlu dihantar ke hospital sakit jiwa. Embong juga sabar apabila dia dipatuk ular, diserang ular sawa di kebun kelapa sawit dan menghadapi masalah kewangan. Dia juga sabar apabila kambing-kambingnya dicuri . walaupun sering dihina oleh Nek Kiah dan Aton, Embong tetap bersabar.

**Seorang yang mementingkan pelajaran anak-anaknya.**

Embong amat tegas mendidik anak-anaknya tentang pelajaran. Embong melarang Dahlia ponteng sekolah untuk menjaga adik-adiknya. Embong juga merestui Dahlia untuk melanjutkan pelajaran di Jepun dan membenarkannya mengikuti kursus persediaan di Universiti Malaya sebelum berangkat ke sana

**Seorang yang berani**

Embong berani bergelut dengan ular sawa yang membelitnya di kebun kelapa sawit. Apabila ular tersebut mati, Embong mengikat ular tersebut di pelantar basikal untuk ditunjukkan kepada anak-anak.

**Seorang yang bertanggungjawab**

Embong bertanggungjawab sepenuhnya untuk mencari rezeki buat keluarga. Dia gigih mencari sumber pendapatan bagi memastikan nasib isteri dan anaknya terbela. Dia bekerja menoreh getah, memotong buah kelapa sawit di kebun orang, membela kambing dan sebagainya.

**( terima jawaban lain yang sesuai)**

(b) Peristiwa yang dikaitkan dengan permuafakatan dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

**Jendela menghadap Jalan**

**Peristiwa masyarakat kampung yang sepakat pergi ke surau pada waktu menjelang Maghrib**

Budaya masyarakat kampung yang sering ke surau untuk mengaji, berzikir dan bersolat jemaah bersama membuktikan mereka bersatu hati. Peristiwa itu tidak pernah dilihat oleh Lili di bandar.

**Peristiwa penduduk kampung yang bersatu hati membantu masalah yang dihadapi oleh mangsa keganasan rumah tangga**

Orang-orang kampung termasuk nenek, datuk, Abang Rashid, Lili dan Danel pergi ke rumah Che Jah apabila mendapat tahu bahawa suami Che Jah sedang membelasah anak-anak dan isteri. Che Jah juga berjaya dipujuk oleh datuk, Kak Mimah dan ketua kampung untuk membuat laporan polis tentang keganasan yang dilakukan oleh Seman selama ini.

***Peristiwa penduduk kampung yang sepakat membincangkan isu kubah surau dan pembinaan masjid***

Penduduk kampung seperti Tok ketua, Imam Sanusi, Kiai Baharom dan Pak Sahak muafakat membincangkan isu pembinaan masjid baharu. Apabila wujudnya tentangan berkaitan isu itu, Pak Sahak menjemput datuk ke surau untuk berbincang dan menyelesaikan masalah.

***Peristiwa muafakat dalam kalangan remaja untuk membantu menyelesaikan masalah yang berlaku di kampung.***

Danel, Lili dan Geetha mewakili golongan remaja yang berusaha memainkan peranan menyatupadukan orang kampung yang bertelagah tentang isu pembinaan masjid baharu, mereka bertindak sebagai orang tengah untuk meyakinkan orang kampung kepentingan membina masjid. Mereka juga berusaha membantu keluarga Che Jah termasuk anaknya Haziq dan Rafiq yang terjebak dengan jenayah iaitu mencuri dan menagih dadah.

***Peristiwa penduduk kampung sepakat semasa berlakunya kes kecurian kubah surau***

Penduduk kampung gempar apabila mendapati kubah surau telah hilang, mereka menuduh Haziq dan Rafiq sebagai pencuri. Mereka berkumpul di halaman rumah datuk. Datuk menyuruh mereka pulang untuk bersolat subuh dan berkumpul semula pada jam sepuluh pagi di balai raya. Namun ada penduduk yang pendek akal dan terus membelasah kedua-duanya tetapi diselamatkan oleh datuk dan mereka dirawat.

**( terima jawaban lain yang sesuai)**

**Songket Berbenang Emas**

Peristiwa yang berkaitan dengan permuafakatan dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

***Peristiwa kerjasama pasukan bola jaring berlatih di padang***

Dahlia pelajar tingkatan enam atas bersepakat dengan rakan yang lain untuk berlatih sebagai persediaan untuk bertanding dengan pelajar enam rendah. Pertandingan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pelajar tingkatan enam yang tinggal di asrama

***Peristiwa muafakat antara anak-anak Embong untuk menjaga adik mereka***

Dahlia bersepakat dengan adiknya yang lain seperti Melati untuk saling membantu menjaga adik mereka yang masih kecil iaitu Anggerik. Melati ditugaskan untuk membeli susu sementara Dahlia menjaga adik mereka.

***Peristiwa orang kampung yang sepakat membantu Saleha yang mengalami kemurungan***

Penduduk kampung membantu Dahlia membawa ibunya yang berkeliaran di kebun getah supaya dibawa pulang ke rumah. Haji Sulaiman juga membantu dan menasihati Embong untuk membawa Saleha berubat di hospital sebelum keadaan menjadi parah. Haji Sulaiman juga membantu menghantar Dahlia apabila ibunya ditukarkan ke hospital lain.

***Peristiwa kerjasama orang kampung membantu Said yang lemas***

Dahlia cuba sedaya-upaya untuk menyelamatkan said yang lemas di sungai. Apabila Said dijumpai , anak-anak muda yang lain membawa Said mengelilingi rumah sebanyak tujuh kali sebagaimana yang diarahkan oleh Nek Kiah. Namun Said gagal diselamatkan.

***Peristiwa kerjasama penduduk kampung menjayakan majlis sambutan Maulidur Rasul***

Penduduk kampung termasuk Dahlia, Aton, Abu Bakar sama-sama membantu kerja-kerja memasak untuk majlis sambutan tersebut. Tauke Lim turut hadir dan membantu menyumbangkan barangan keperluan untuk menjayakan sambutan itu walaupun dia bukan beragama Islam.

***Peristiwa kerjasama orang kampung membaik pulih rumah Embong selepas dilanda musibah banjir.***

Penduduk kampung bersatu hati selepas bencana itu dan mereka sepakat membangunkan semula rumah Embong dengan sumbangan papan dan kayu daripada parti. Bukan itu sahaja Tauke Lim turut membantu menyumbangkan RM 300 kepada Dahlia sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya



**Peristiwa kerjasama rakan-rakan Dahlia**

Najib dan Kavita membantu membawa Anggerik ke klinik semasa adiknya mengalami demam panas. Cikgu Hisyam, Kavita membantu memfotokopi nota-nota supaya dapat digunakan oleh Dahlia untuk persediaan peperiksaan.

**( terima jawaban lain yang sesuai)**

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**